

1973

ALOR SETAR, 25 JUN (BERNAMA) -- SELURUH LAPISAN MASYARAKAT DISERU 154
SUPAYA MEMBERI SOKONGAN DAN BANTUAN UNTUK MENJAYAKAN
KEGIATAN BADAN-BADAN SUKARELA.

SERUAN TERSEBUT DIBUAT OLEH Pengerusi Majlis Kebajikan Kanak-
Kanak Malaysia, Cawangan Kedah, Senator Dr. Mahathir Mohamed
ketika meresmikan Mesyuarat Agung MAMLIIS tersebut di Balai Besar
disini kelmarin.

Katanya, masyarakat mempunyai tanggungjawab dan peranan penting
menulung badan-badan tersebut bagi menjayakan kerja-kerja amal
untuk rakyat yang kurang bernasib baik.

Tanpa kerjasama orang ramai badan-badan sukarela tidak
dapat bergerak dengan sempurna. -- BERSAMBUNG 1138/AZ

513:

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

Mengenai kegiatan majlis itu, beliau berkata, tahun lalu
majlis tersebut telah mengeluarkan bantuan makanan dan minuman
serta buku-buku rojokan kepada murid-murid miskin di
beberapa buah sekolah.

Projek tersebut menelan belanja sebanyak \$5,324.

Dr. Mahathir telah dipilih semula sebagai Pengerusi Majlis
itu dengan Encik V.S.M. Vellayappa dan Encik Ahmad bin
Haji Abdul Rahman sebagai naibnya.

Encik V.S. Maniam dipilih sebagai Setiausaha, Tuan Syed
Mohamed bin Syed Muhaiden (Bendahari) dan 10 ahli
Jawatankuasa. -- BERNAMA 1140/AZ